



4 Cara Memainkan Peranan Yang Berbeza

Oleh **ROSHAN THIRAN**



Oleh kerana Leaderonomics terus berkembang di seluruh negara, tidak dapat dielakkan peranan berbeza yang mereka ada, dan mereka menghadapi cabaran dan portfolio baru.

Setiap tahun saya akan imbas kembali, usaha yang telah ditunjukkan dalam syarikat, saya rasa di berkati bekerja bersama-sama pasukan yang bersemangat dan berbakat yang dapat menerapkan kemahiran dan kreativiti mereka di mana sahaja.

Sebab mengapa kami dapat meneruskan pertumbuhan dan perkembangan ialah kerana kerjasama antara pasukan dan persedian setiap individu untuk terlibat dan mengambil peranan dan ia mungkin juga pekerjaan yang biasa mereka lakukan.

Walaupun cara ini baik untuk mendorong perkembangan profesional, ia juga menimbulkan tekanan dan mereka juga akan bergelut jika dibiarkan. Ini akan mengganggu fokus mereka dan akan meninggalkan mereka dalam keadaan

untuk terus bertahan sehingga mempengaruhi prestasi dan penglibatan mereka.

Sebagai contoh, Leaderonomics dikurniakan pasukan yang hebat, yang sentiasa mengingatkan visi syarikat. Anda akan mempunyai organisasi budaya yang sentiasa mendorong dan menyelesaikan sesuatu tugas sehingga melebihi jangkaan.

Namun demikian, kesejahteraan pekerja tidak pernah dianggap remeh. Jika organisasi anda meminta orang ramai untuk mengambil pelbagai peranan atau projek, apa yang anda boleh lakukan untuk menolong mereka menyesuaikan diri dan juga memperoleh hasil daripada pengalaman mereka?

Sesuatu yang selalu saya tekankan ialah kebolehan untuk sesiapa sahaja untuk menjadi pemimpin dan kepimpinan bukan sahaja mengenai siapa yang berada di pentas. Hakikatnya, organisasi yang efektif mempunyai pasukan yang membantu untuk berjalan: pemimpin akan dijumpai didalam pasukan sama seperti mereka yang berada dalam kedudukan pengurusan.

Seperti yang diketahui oleh pemimpin, kita harus pandai mengambil peranan, cabaran dan tugas yang diberi. Kita harus lincah dan dapat berfikir, melakukan beberapa perkara yang sedang berlaku pada masa yang sama setiap hari. Ia adalah proses pembelajaran yang agak sukar, tetapi berbaloi. Dimana mengapa seseorang individu dapat berkembang dalam pelbagai tanggungjawab dan menjadi pemimpin yang efektif.

Oleh sebab itu, berikut ada beberapa idea yang dapat membantu pemimpin dalam menangani tugas, pengurusan masa, jangkaan dan ketidakpastian apabila melangkah ke tanggungjawab yang baru.

1. Lihat pada gambaran yang lebih besar

Tekanan akan berlaku jika kita fokus terhadap apa yang sedang berlaku sekarang. Ia penting untuk kita menanganinya, dan ia sebahagian daripada proses pertumbuhan.

Sebilangan orang terjebak dalam ingin meluangkan masa untuk menyelesaikan masalah dengan cepat berbanding menyelesaikan dengan cara

yang lebih tenang dan terancang dan ini menyebabkan mereka akan rasa terbeban, tidak bersedia dan bukan yang terbaik. Lihat pada gambaran yang lebih besar – cabaran membawa kita ke arah keyakinan dan kecekapan dalam kepimpinan – dapat membantu meredakan tekanan jika kita sentiasa berfikir bahawa semua itu adalah sebahagian proses pembelajaran.

Sama ada kita baru memulakan perjalanan kepimpinan kita atau sudah 20 tahun, kita semua dalam proses belajar melalui cabaran yang kita hadapi setiap hari. Apa yang dapat membuatkan anda untuk terus maju ialah, sentiasa ingat bahawa ini adalah proses kemajuan bukan kesempurnaan.

2. Dapatkan satu perkara itu

Melangkah ke peranan baru, akan ada elemen yang tidak asing bagi anda dan akan ada aspek yang pada awalnya terasa janggal dan mencabar. Godaanya ialah mengatasi apa yang paling sukar dilakukan, atau membiarkannya sehingga larut malam sebelum menghadapinya. Cara yang terbaik untuk membiasakan tugas yang sukar ialah untuk memberikan sepenuhnya fokus dan belajar semuanya untuk mengetahui perkara tersebut.

Minta bimbingan daripada orang lain, bertanya soalan atau minta mereka untuk melakukan contoh. Mempunyai fikiran yang terbuka dan sikap ingin tahu adalah salah satu kaedah terbaik untuk memahami sesuatu perkara di peringkat yang lebih tinggi. Tiada ada seorang pun diantara kita memahami apa yang kita sedang buat. Pemimpin yang terbaik ialah pelajar yang sentiasa bersemangat.

3. Mempunyai batasan dalam pembelajaran anda

Bergantung pada beban kerja anda dan kepercayaan dari orang lain, semoga anda dapat meluangkan masa untuk menyesuaikan diri dengan peranan dan projek baru tanpa banyak gangguan. Sebagai contoh, jika anda belajar tentang proses, anda boleh membuat persediaan balasan e-mel secara automatic untuk menentukan bila anda boleh kembali membalas mesej tersebut.

Sekiranya anda mendapat pesanan yang penting, anda boleh memasukkan e-mel rakan sekerja yang dapat membantu sekiranya jika ada perkara penting. Menghadkan gangguan akan membantu meningkatkan fokus dan

mengurangkan perasaan jengkel yang boleh timbul dari gangguan yang berterusan.



4. Tulis mengenai pengalaman anda

Kebaikkan menyimpan jurnal harian sudah terkenal dan ini dapat membantu perkembangan profesional untuk menulis soalan-soalan yang anda ada mengenai pelbagai peranan untuk direnungkan. Perkara ini dapat diajukan kepada pasukan atau pemimpin dan dapat mendalami pemahaman yang telah anda kumpulkan melalui pengalaman anda.

Menyimpan jurnal harian dapat menunjukkan pada anda dimana anda berusaha untuk berjuang, tetapi ia juga menunjukkan bagaimana anda berkembang dan berjaya mencapai tujuan anda dan ini dapat membantu untuk mengurangkan tekanan dan pergelutan yang anda hadapi. Dengan berbuat demikian, ia mencatat bagaimana rasanya kepimpinan seperti sesuatu yang berharga di dalam kehidupan: ada pasang surutnya, tetapi jika kita bertahan dan terus melakukannya, ada banyak pertumbuhan yang bermakna dan dapat dicapai sepanjang perjalanan.

Kerja Tidak Sama Dengan Bidang Pengajian



DIGES PEMIMPIN

Oleh NURULATIKA YUNUS



Adakah pekerjaan yang kita miliki harus sealiran dengan bidang yang diambil ketika di universiti?

Secara peribadi jikalau dilihat pada pekerjaan saya yang sekarang memang sangatlah berbeza dengan apa yang dipelajari semasa di universiti. Oleh itu, saya kurang bersetuju bahawa pekerjaan harus selari dengan apa yang diambil semasa di universiti dulu.

Kalau boleh kita memang mahu punya pekerjaan yang sama dengan bidang yang diambil semasa belajar, tetapi rezeki akan datang itu kita tidak pasti.

Bagi saya apa pun pekerjaan yang dilakukan asalkan ia menghasilkan pendapatan serta rezeki yang kita dapat itu bermanfaat dan halal. Kalau kita cari pekerjaan yang sempurna sampai bila-bila pun kita tidak akan dapat kerja.

Mengapa kebanyakan orang berfikir bahawa setiap pekerjaan itu harus selari dengan bidang yang diambil ketika di universiti?

Hal ini demikian kerana merasakan belajar selama 3 – 5 tahun itu adalah sia-sia sekiranya ijazah yang dimiliki tidak dapat digunakan. Ataupun berasa sia-sia kerana sudah buang masa belajar begitu lama tetapi ternyata pekerjaan yang diperoleh adalah lain.

Seharusnya kita ubah corak pemikiran kita tentang belajar, kerana saya juga punya pemikiran yang sama dimana kita belajar dengan harapan akan mempunyai pekerjaan yang baik.

Dan kebanyakan kita memilih jurusan kerana melihat kepada prospek pekerjaan, kita hanya memilih bidang yang mempunyai prospek pekerjaan diluar. Hal ini kerana ketakutan dalam diri bahawa kita tidak akan mendapat pekerjaan pada masa akan datang.

Mungkin ramai yang kata bahawa sia-sia saya belajar tetapi akhirnya saya mengambil keputusan untuk tidak memilih pekerjaan selari dengan bidang yang diambil. Tetapi bagi saya segala ilmu yang dipelajari semasa di universiti itu sedikit pun adalah tidak sia-sia.

Pertama sekali kenapa saya rasa belajar psikologi itu adalah bukan perkara yang sia-sia?

Sebab sekurang-kurangnya saya mempunyai pengetahuan tentang psikologi yang kebanyakan orang tidak tahu.

Pemikiran saya *in terms of psychology* lebih kritis misalnya seperti psikologi perkembangan kanak-kanak, pengetahuan tentang kanak-kanak dalam keluarga bermasalah, psikologi *abnormal* dan asas perubahan tingkah laku. Sifat ingin tahu itu lebih cenderung kepada psikologi.

Apa yang saya belajar ketika di universiti itulah yang membentuk peribadi diri saya yang sekarang. Saya menjadi seorang yang peka dengan perkembangan kanak-kanak, mula menyampaikan ilmu berkaitan dengan keibubapaan di blog dan berkongsi pengalaman ketika berada di universiti.

Jadi saya merasakan bahawa saya tidak belajar sia-sia, tidak rugi waktu dan wang kerana ilmu apapun yang dipelajari suatu hari nanti pasti akan memberi manfaat kepada diri kita dan orang lain.

Adakah pekerjaan harus dilakukan hanya setelah kita habis belajar atau menerima ijazah?

Bagi saya pekerjaan itu tidak semestinya dilakukan setelah habis belajar. Walaupun ketika belajar pun kita sudah boleh bekerja misalnya kerja *part-time*, berniaga dan sebagainya. Saya mula bekerja ketika berumur 14 tahun. Saya bekerja di kilang. Itupun secara kerja sambilan dan semasa cuti sekolah. Sejak dari itu saya mula mencari kerja-kerja sambilan setiap kali cuti sekolah. Antara kerja yang saya pernah buat adalah juruwang di sebuah supermarket, kerja kilang, jurujual, dan *promoter*. Malah sehinggalah saya di universiti saya masih melakukan kerja sambilan sebagai *housekeeping* di sebuah homestay.

Disebabkan pengalaman kerja yang saya ada itulah memudahkan saya untuk mencari peluang pekerjaan. Selepas *graduate* pun saya dah dapat 3 tawaran kerja. Tetapi rezeki tidak menyebelahi saya sebab faktor kesihatan yang tidak membenarkan saya bekerja untuk masa yang lama. Jadi sekarang inilah kerja saya, menulis blog.

Adakah seseorang harus mempunyai pekerjaan yang jelas barulah dia dianggap mempunyai pekerjaan?

Namun demikian, zaman sekarang pendapatan seseorang itu sudah *fluid* bukannya *solid*. Tidak semua orang mempunyai pekerjaan yang pendapatannya adalah tetap (*solid*) setiap bulan. Misalnya jadi blogger sepenuh masa tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap ataupun menjual barang secara *online* juga tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Malahan ada orang yang bekerja *online* mempunyai pendapatan yang jauh lebih tinggi berbanding dengan orang yang bekerja makan gaji setiap bulan. Semuanya bergantung dengan usaha dan kerajinan kita.

Sekarang merupakan zaman digital dimana terciptanya pekerjaan baru iaitu bekerja melalui *internet* sama ada menjadi seorang *youtuber*, media sosial *influencers*, blogger dan sebagainya.

Sebenarnya ibu bapa kita hanya ingin yang terbaik buat diri kita. Kebanyakan mereka tidak terdedah dengan keadaan zaman sekarang jadi kebanyakan mereka itu hanya fikir bahawa anak mereka hanya akan lebih berjaya kalau anak-anaknya menjadi doktor, cikgu atau kerja di pejabat.

Tidak semua ibu bapa yang melarang anak-anaknya untuk mencari pekerjaan yang aneh tetapi mereka hanya tidak dijelaskan sahaja dengan pekerjaan di internet sekarang. Kalau anda seorang blogger jadi bincang baik-baik dengan ibu bapa bahawa anda sebenarnya bukannya membuang masa bermain komputer.

Sekiranya dapat *job review*, dapat bayaran jadi tunjukkan bukti pada mereka inilah hasil anda sepanjang berblog. Mulanya mereka mungkin rasa pekerjaan kita itu tidak menjamin masa depan, tetapi sekiranya kita betul-betul jujur dan yakin dengan apa yang kita buat, InsyaAllah mereka pasti akan menerimanya.

Apa yang penting sekali ialah apa sahaja pekerjaan yang dilakukan itu mendatangkan pendapatan dan halal. Rezeki itu boleh diperoleh melalui apa sahaja dan profesion apapun sekalipun sekadar *cleaner*. Belajar dan bekerja dua perkara yang berbeza. Apa yang kita belajar mungkin tak akan sama dengan kerja. Walaupun bekerja di bidang yang sama dengan bidang belajar, kita tetap juga akan rasa kejutannya.

Jangan sesekali katakan apa yang kita belajar itu salah atau sia-sia.

Dengan ilmu psikologi inilah keluarga saya lebih memahami tentang maksud kanak-kanak OKU yang sebenar. Dengan belajar psikologi inilah saya dapat berkongsi pengalaman dengan orang lain, pengalaman sepanjang 3 tahun saya belajar di Universiti Malaysia Sabah.

Mungkin seseorang individu tidak dapat menyambung pelajaran ke tahap lebih tinggi, mungkin itu adalah rezeki dia kerana dia mungkin lebih berjaya apabila bekerja selepas habis SPM. Rezeki setiap individu tidak sama.

Jangan merasa kecewa dan tidak bersemangat jika mendapat pekerjaan yang luar dari bidang. Apa yang dipelajari tetap boleh digunakan dalam keadaan lain, kerana belajar itu proses seumur hidup.

Berfikirlah secara bijak dan berfikir diluar kotak. Gunakan ilmu yang kita ada untuk cipta pekerjaan baharu. Tidak mungkin seumur hidup kita hanya mahu bekerja dibawah orang sahaja?

Sedangkan orang yang makan gaji pun ada yang cari sumber pendapatan lain. Bukan sebab gaji tidak mencukupi, tetapi kepuasan bekerja setiap orang itu adalah tidak sama.